

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI [BAGAN DATUK]**

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATUK] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapa jumlah eksport minyak sawit negara pada tahun 2018 hingga terkini, dan adakah tindakan diskriminasi oleh negara-negara Kesatuan Eropah (EU) memberi kesan kepada jumlah eksport minyak sawit negara.

JAWAPAN

Pada tahun 2018, jumlah eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit negara telah meningkat sebanyak 3.3% kepada 25.22 juta tan berbanding 24.42 juta tan pada 2017. Bagi tempoh masa Januari hingga September 2019 pula, jumlah eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 12.9% kepada 20.97 juta tan berbanding 18.56 juta tan dalam tempoh yang sama tahun 2018.

Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi mengatasi ancaman khususnya dari negara-negara Kesatuan Eropah (EU) termasuk mengadakan rundingan dan perbincangan, menjalankan misi teknikal melalui Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) bersama Indonesia serta mempertimbangkan bantahan terhadap diskriminasi minyak sawit oleh EU melalui platform *World Trade Organisation* (WTO). Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan ini telah menampakkan kesan positif terhadap perdagangan minyak sawit dan produk sawit ke negara-negara EU.

Berdasarkan perangkaan, jumlah eksport minyak sawit ke negara-negara EU telah menunjukkan peningkatan bagi tempoh Januari hingga September 2019 sebanyak 2.7% kepada 1.51 juta tan berbanding 1.47 juta tan bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Sekian, terima kasih.